

UEC: Langkah LPQB tidak selari dasar kerajaan – Zainul Rijal

KUALA LUMPUR 4 April - Langkah Lembaga Kelayakan Profession Undang-Undang Malaysia (LPQB) mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) bagi menduduki Sijil Amalan Guaman (CLP) dianggap tidak selari dengan dasar yang diperkenalkan kerajaan.

Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Datuk Zainul Rijal Abu Bakar berkata, badan profesional itu sebaliknya harus melaksanakan dasar yang dipertingkatkan kerajaan.

Beliau malah memberitahu, keputusan LPQB tidak boleh bercanggah dengan keputusan kerajaan termasuk yang sudah termaktub dalam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Keputusan LPQB tidak boleh bercanggah dengan keputusan kerajaan apatah lagi peruntukan undang-undang, walaupun kuasa menentukan siapa orang berkelayakan di dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 itu diberikan kepada LPQB. LPQB

harus melaksanakan dasar kerajaan.

“Pihak kerajaan adalah badan yang bertanggungjawab mengiktiraf sesuatu kelulusan itu seperti JPA. Namun, badan-badan lain perlu menggunakan pengiktirafan JPA tersebut dalam membuat sesuatu keputusan termasuklah LPQB,” katanya kepada *Utusan Malaysia* menerusi aplikasi WhatsApp hari ini.

Pada 30 Mac lalu, Peguam Negara, Tommy Thomas mengumumkan UEC sudah boleh diterima sebagai memenuhi syarat kelayakan tujuan menduduki peperiksaan CLP.

Tommy yang juga Pengerusi LPQB berkata, CLP akan menerima pakai kelayakan UEC pada tahap Senior Middle 3 bagi tujuan tersebut mulai 1 Januari 2021.

Sementara itu, Dekan Kolej



**ZAINUL RIJAL
ABU BAKAR**

Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Prof. Dr. Ahmad Marthada Mohamed berkata, LPQB seharusnya mengambil kira pandangan kerajaan terlebih dahulu sebelum mengiktiraf UEC dalam CLP.

Katanya, hal ini bercanggah di peringkat Kementerian Pendidikan yang masih belum mengiktiraf UEC yang bukannya berada dalam sistem pendidikan nasional.

“LPQB merupakan badan profesional swasta yang perlu akur kepada dasar-dasar kerajaan kerana ia boleh memberi implikasi besar terhadap kerajaan.

“Bagi saya, ia tidak sepatutnya berlaku (mengiktiraf UEC). Mereka perlu mengambil kira pandangan kerajaan terlebih dahulu,” ujarnya.

Pejuang bahasa sokong Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 4 April - Pejuang bahasa dan pendidikan kebangsaan menyokong kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa hanya kerajaan yang boleh memberikan pengiktirafan kepada Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC).

Sehubungan itu, Penasihat Persatuan Linguistik Malaysia, Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan berkata, adalah tidak wajar bagi Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching membuat kenyataan yang seolah-olah mengisytiharkan pengiktirafan UEC.

“Kementerian Pendidikan sendiri masih menjalankan ka-

jian dan oleh itu tidak wajar Timbalan Menteri Pendidikan membuat pernyataan yang bernada pengisytiharan tentang pengiktirafan UEC.

“Daripada hujah dan alasan konkrit, pejuang bahasa dan pendidikan kebangsaan tidak dapat menerima pengiktirafan UEC,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir menegaskan pengiktirafan UEC hanya boleh dilakukan oleh Kabinet dan sehingga sekarang, Kabinet belum membuat apa-apa keputusan berkenaan dengannya.

Mengulas lanjut, Awang turut menyenaraikan empat sebab

mengapa UEC tidak patut diiktiraf antaranya sijil yang dikeluarkan oleh badan persendirian yang tidak jelas kurikulumnya akan mewujudkan sijil substandard seterusnya mencacatkan mutu pentaksiran pendidikan negara.

“UEC dikendalikan oleh badan yang sejarah awalnya berkiblat ke Taiwan dan hingga kini tidak jelas adakah sistem, kurikulum, latihan guru, buku teks dan lain-lain selaras dengan ciri-ciri kenegaraan Malaysia.

“Pengiktirafan UEC mewujudkan persaingan tidak wajar dalam peluang pengajian tinggi dan pekerjaan kepada lepasan sekolah menengah kebangsaan yang menurut acuan kenegaraan dalam hal kurikulum, latihan guru, buku teks, peperiksaan dan lain-lain,” katanya.



AWANG SARIYAN